

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENDEKATAN DAKWAH GURU  
PEMBIMBING ASNAF MUALAF  
DALAM KELAS FARDU AIN  
MUALAF (KFAM) DI SELANGOR**

**RABA'AHADAWIAH BINTI AHMAD@YUNUS**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi  
keperluan untuk ijazah  
**Sarjana**  
**(Pengajian Islam Kontemporari)**

**Akademi Pengajian Islam Kontemporari**

**November 2023**

## **ABSTRAK**

Pendekatan dakwah Guru Pembimbing Asnaf Mualaf (GPAM) terhadap golongan mualaf kendalian Lembaga Zakat Selangor (LZS) diaplikasikan melalui Kelas Fardu Ain Mualaf (KFAM). Ia merupakan tunjang utama dalam proses mendidik mereka memahami asas pengetahuan Islam. Terdapat kelemahan dari pihak GPAM yang kurang menguasai kemahiran penyampaian dakwah yang berkesan dan kurang terdedah dengan teknik-teknik untuk menarik minat pelajar dalam memahami pembelajaran dalam kelas. Kajian ini akan mengenalpasti konsep dakwah GPAM dalam KFAM di negeri Selangor. Menganalisis juga pendekatan dakwah yang digunakan oleh GPAM melalui KFAM. Selain itu, mencadangkan penambahbaikan terhadap pendekatan dakwah KFAM di negeri Selangor. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Pengumpulan data kajian menggunakan kaedah kajian kepustakaan yang merangkumi sumber primer dan sekunder. Temu bual semi struktur dilaksanakan terhadap enam ahli akademik yang pakar dalam bidang dakwah mualaf, seorang pegawai bahagian Eksekutif Pembangunan Mualaf dan 10 orang GPAM dari enam kawasan di negeri Selangor. Pemerhatian turut dilakukan. Manakala metod analisis data kajian pula menggunakan kaedah deduktif, induktif, analisis dokumen dan tematik analisis berdasarkan tema-tema tertentu. Hasil kajian ini mendapati bahawa GPAM menggunakan konsep dakwah Rasulullah SAW yang bersifat *turāth* seperti dakwah dengan hikmah, qudwah hasanah dan teknik pengulangan. GPAM juga mengaplikasi pendekatan kontemporari seperti dakwah interaktif menggunakan alat bantu mengajar elektronik, teknik kaunseling dan amali di luar kelas. Kajian ini turut mengemukakan strategi terhadap mualaf yang berpotensi menjadi pendakwah. Justeru, diharapkan ia memberi manfaat kepada LZS sebagai garis panduan untuk GPAM secara khusus dalam membimbing mualaf melalui KFAM khususnya di Selangor dengan lebih berkesan.

## PENGHARGAAN

الحمد لله وكفى ، صلة ولما على حبوب المصطفى صلى الله عليه وسلم. أما بعد.

Alhamdulillah dengan penuh rendah hati, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diberikan kepada penyelia Prof. Madya Ezani Bin Yaakub serta pembantu penyelia yang dikasih Dr Amiratul Munirah Binti Yahaya atas suluhan ilmu, tunjuk ajar, sumbangsan idea, pengorbanan dan perhatian yang tidak pernah jemu sepanjang kajian ini berlangsung. Semoga segala curahan keringat tersebut dibalas oleh Allah SWT dengan rahmat dan kasih sayang di dunia dan akhirat. Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr Mohd Afandi Bin Mat Rani selaku Dekan ACIS atas sokongan dan pelbagai bantuan yang dihulurkan. Allah SWT yang selayaknya mampu membalas kebaikan tersebut. Seluruh warga Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam. Khasnya Koordinator Pasca Siswazah Prof. Madya Dr Rafeah Binti Saidon atas usaha keras membantu saya hingga menuju ke garisan penamat. Semua warga ACIS yang membantu disedari atau tanpa sedar.

Ucapan terima kasih juga buat warga Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang membantu bagi menjayakan kajian ini. Bonda tercinta yang tidak jemu sentiasa mengirimkan doa dari kejauhan, bonda mentua Noor Zaini Binti Mohd Zain serta ayah mentua Abdulatef Bin Bakar yang sentiasa memahami dan memberi sokongan fizikal. Buat suami Muhamad Firdaus Bin Abdulatef yang menjadi tulang belakang, memberi semangat yang tak henti-henti bahkan membantu idea, tenaga yang berterusan serta anak-anak Muhammad Hanafii dan Hauraa kerana sangat memahami. Akhirnya buat sahabat seperjuangan Suriani, Saadah, Kak Syida, Kak Min, Kak Zaidah, Kak Ti, Kak Raudhah, Yana, Syaima', Hikmah dan Anis yang sentiasa menarik tangan ini untuk terus bangkit ketika rebah serta semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyempurnaan tesis ini.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Lembaga Zakat Selangor	7
1.2.2 Visi dan Misi Lembaga Zakat Selangor	7
1.2.3 Kelas Fardu Ain Mualaf Di Bawah Kelolaan LZS.	8
1.2.4 Syarat Kelayakan Guru KFAM.	10
1.3 Permasalahan Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.6.1 Pentadbir Institusi Mualaf.	14
1.6.2 Guru Pembimbing Asnaf Mualaf.	14
1.7 Definasi Tajuk	15
1.8 Skop Dan Batasan Kajian	16
1.9 Penutup	17
<b>BAB 2 KONSEP DAN PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP MUALAF</b>	<b>20</b>
2.1 Pengenalan	20

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Penyampaian dakwah Islam terhadap golongan mualaf merupakan antara sasaran utama di Malaysia. Sewajarnya komunikasi dakwah memerlukan kepada penjelasan yang benar dan tepat berpandukan sumber *al-Qur'ān* dan hadis serta mampu menyentuh hati mualaf agar terpaut dengan keindahan Islam. Pendekatan dakwah yang bersifat interaktif juga berperanan merungkai setiap persoalan atau keraguan yang timbul dan melihat tasawwur Islam dengan kaca mata yang sebenar (Mohd Zuhaili & Nur Athiroh, 2021). Pendekatan yang sesuai dalam pengajaran pelajar mualaf ke arah memahami dan mengamalkan Islam dalam kehidupan harian mereka sangat penting. Pembimbing atau guru mesti menjadikan *al-Qur'ān* sebagai panduan, guru sebagai contoh tauladan yang baik, pendekatan komunikasi, bimbingan dan kaunseling menjadi penyumbang utama terhadap kemenjadian mualaf. Justeru, Guru Pembimbing Asnaf Mualaf (GPAM) perlu memberi perhatian yang lebih serius dalam isu pembangunan pendidikan mualaf dalam memastikan tahap kefahaman dan penghayatan mampu dimiliki oleh mualaf (Mohd Aderi & Noor, 2021).

Oleh itu, setiap pendakwah atau pembimbing memerlukan kefahaman, kebijaksanaan dan kepakaran yang mendalam terhadap konsep-konsep dan prinsip-prinsip dakwah Islam ketika menyampaikan penjelasan tentang Islam. Seorang pendakwah semestinya terlebih dahulu meneliti kedudukan dan latar belakang sasaran dakwah khususnya golongan mualaf dalam kerangka usaha menjalankan tanggungjawab ini dengan mengambil pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW mengikut saranan dalam *al-Qur'ān* dengan jalan penuh bijaksana (Roslieza & Nur A'thiroh, 2015). Firman Allah SWT: